

08 JAN 2003

Ling-Loh

KEPUTUSAN DR LING HARUS DIHORMATI, KATA LOH

KANGAR, 8 Jan (Bernama) -- Keputusan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk meletak jawatan dalam Kabinet harus dihormati oleh semua pihak terutama di kalangan pemimpin dan anggota MCA, kata Timbalan Pengerusi Perhubungan MCA Perlis, Loh Yoon Foo.

Beliau yang juga Pengerusi MCA bahagian Padang Besar berkata pengumuman untuk meletak jawatan itu bukan sesuatu yang mengejutkan sebab ini adalah kali kedua Presiden MCA berkenaan mengumumkan untuk bersara daripada jawatan kerajaan.

Dr Ling telah banyak berjasa sebagai pemimpin dan keputusannya untuk melepaskan jawatan harus dihormati, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

"Kini sudah sampai masanya semua pihak menerima dengan rela hati atas keputusan itu supaya beliau boleh menumpukan masa bersama keluarganya," kata Loh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri.

Menteri Pengangkutan itu semalam mengumumkan peletakan jawatannya daripada Kabinet, kali kedua dalam tempoh tiga tahun. Surat peletakan jawatan yang tidak meletakkan tarik berkuatkuasanya itu dihantar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Ogos lalu. Kedudukannya sebagai Presiden MCA pula akan dibincangkan dan ditentukan barisan kepimpinan parti itu.

Mengenai pengganti Dr Ling, Loh berkata "dalam dunia ini tidak ada seorang pun yang tidak boleh diganti."

Mengenai keputusan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek untuk mencabar Dr Ling jika Presiden MCA itu mahu mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti pada 2005 nanti, Loh berkata ia amat dialu-alukan.

Menurutnya, Dr Ling sendiri pernah mengakui bahawa sudah sampai masanya MCA dipimpin oleh golongan lebih muda.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat berkata perkhidmatan Dr Ling masih diperlukan oleh negara.

"Masih ada keperluan perkhidmatan beliau untuk negara. Bagaimanapun, terpulang kepada beliau untuk menentukan masa depannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Kabinet negeri di Wisma Innoprise, dekat sini hari ini.

-- BERNAMA

RIS AD NT HM